

25/03/2005

Far Alliance guna teknologi baru

SYARIKAT teknologi, Far Alliance (M) Sdn Bhd, semalam melancarkan teknologi komunikasi jalur lebar terbaru yang menggunakan litar elektrik untuk menghantar maklumat.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Far Alliance, Mohammad Abdul Zahib Mohd Zaid, berkata, melalui teknologi Komunikasi Litar Elektrik (PLC) itu, isyarat audiovisual dan data boleh dihantar tanpa menggunakan talian telefon.

Demonstrasi diadakan dengan isyarat visual dihantar melalui kabel elektrik hidup melalui jarak kira-kira satu kilometer, di Stesen Sentral di sini.

Bekas Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad hadir menyaksikan demonstrasi dan majlis pelancaran itu.

Beliau kemudian melawat dua tempat transformer di Stesen Sentral itu yang menyalurkan visual ke bilik pelancaran berkenaan.

Mohammad Abdul Zahib berkata, teknologi itu mencetuskan revolusi perhubungan jalur lebar kos rendah melalui perkhidmatan telekomunikasi yang digabungkan dalam perkhidmatan bekalan elektrik.

(END) Source : Berita Harian